ISU

Reaksi

Kenaikan harga gula

Harga gula tidak wajar dinaikkan lagi kerana sebelum ini pernah dinaikkan lebih-lebih lagi apabila kenaikannya 40 sen yang mana tidak relevan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat"

Iskandar Reiner Karl Lanin,
Pelajar

Saya berharap kerajaan mengambil tindakan tegas menghalang kenaikan harga gula. Kerajaan perlu mengeluarkan sebab kukuh"

Muhammad Hasif Che Kar,
Kakitangan swasta

Kenaikan harga gula tidak seharusnya dilaksanakan, tambahan pula musim perayaan semakin hampir dan ini boleh membebankan rakyat"

Nuha Aliah Zulkifli,
Kakitangan swasta

Usah tunduk kehendak pengilang gula

Persatuan pengguna mahu kerajaan lihat kesan kenaikan harga beri impak peningkatan kos sara hidup

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

Kuala Lumpur

Persatuan pengguna dan orang ramai mendesak kerajaan tidak tunduk kepada permintaan pengilang dan syarikat pengeluar untuk menaikkan harga gula pasir putih bertapis kasar.

Cadangan menaikkan harga gula 29 sen sekilogram (kg) akan menjadikan harga jual baharu, RM3.35 sekg.

Harga gula semasa adalah RM2.95 sekg selepas dinaikkan 11 sen pada Mac awal tahun ini ketika pengilang meminta kerajaan menaikkan 40 sen sekg gula pasir di negara ini.

Kali terakhir harga gula yang juga barang terkawal dikemaskini adalah pada 25 Oktober 2013, dengan kenaikan 34 sen daripada RM2.50 sekg kepada RM2.84 sekg.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata kenaikan harga barang terkawal itu tidak boleh dilaksanakan mengikut permintaan syarikat pengeluar gula sahaja kerana membebankan pengusaha industri dan pengguna.

"Kesan kenaikan harga gula pada skala besar akan menjejaskan perkhidmatan makanan dan pendapatan peniaga industri kecil dan sederhana.

Kesan kenaikan harga gula

"Kerajaan perlu melihat kesan kenaikan harga gula tidak stabil dan terlampau tinggi memberi impak kepada peningkatan kos sara hidup masyarakat sekali gus membebankan golongan pendapatan rendah B40," katanya kepada *BH*.

Semalam, pengilang tempatan, MSM Malaysia Holdings Bhd menyuarakan hasrat menaikkan harga runcit gula 40 sen sekg, mengikut kadar kenaikan semasa berikutan peningkatan kos gula mentah dunia dan pergerakan tukaran asing tidak menentu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), Datuk Zakaria Arshad, berkata kenaikan harga gula runcit sebanyak 11 sen sekilogram pada Mac lalu tidak mencukupi bagi pengeluar gula bertapis terbesar negara yang mengimport gula mentah dunia itu mengekalkan keuntungannya.

Mohd Yusof berkata, kajian terdahulu mendapati pengguna 'boleh' menerima kenaikan dalam kadar 10 peratus daripada harga asal barangan terkawal namun, perlu dilaksanakan dalam tempoh masa munasabah.

"FOMCA mencadangkan kerajaan meneliti alternatif pengganti gula pasir yang boleh dikomersialkan seperti madu dan gula melaka.

"Sumber semula jadi itu mudah didapati selain tidak menjejaskan kesihatan," katanya.

Ketika mengulas kemungkinan langkah kenaikan harga gula boleh membanteras isu kemerosotan kesihatan seperti obesiti dan kencing manis, Mohd Yusof menegaskan kaedah berkenaan kurang efektif kerana masyarakat perlu dididik mempunyai kesedaran betul mengenai langkah menjaga pemakanan serta kesihatan masing-masing.

Risiko kenaikan inflasi

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, berkata kenaikan barang kawalan yang memberi impak besar terhadap industri makanan dalam jangka masa panjang berisiko meningkatkan inflasi.

Katanya, inflasi berlaku apabila kos operasi tinggi dan pengguna terpaksa 'menyerap' kos berkenaan dalam harga jualan barang siap.

"Inflasi dalam jangka masa panjang akan menyebabkan mata wang negara susut nilai, sekali gus menjejaskan ekonomi negara," katanya.

MSM Malaysia harap harga runcit naik 29 sen lagi

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Bhd masih berharap kerajaan akan menaikkan lagi harga runcit gula 29 sen sekilogram bagi mengimbangi kenaikan kos pengeluaran.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV), Datuk Zakaria Arshad, berkata peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara itu sedang berbincang dengan kerajaan mengenai perkara berkenaan.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah MSM Malaysia berkata, peningkatan kos gula mentah dunia dan pergerakan tukaran asing yang tidak menentu memerlukan harga runcit gula dinaikkan.

Kenaikan tidak mencukupi

Jelasnya, kenaikan harga gula runcit 11 sen sekilogram pada Mac lalu adalah tidak mencukupi bagi pengeluar gula bertapis terbesar negara itu untuk mengekalkan keuntungannya.

"Bersandarkan kepada keadaan semasa, harga (runcit) gula perlu dinaikkan 40 sen (sekilogram). Namun, kami hanya dibenarkan menaikkan harga (runcit gula) 11 sen (sekilogram).

"Memang tidak dapat dinafikan, peningkatan 11 sen ini mengurangkan sedikit beban kami, namun kami berada pada kedudukan yang sukar untuk mengekalkan keuntungan kami," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan MSM Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia, Mohamed Amri Sahari.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menetapkan harga baharu gula pasir putih bertapis kasar pada harga RM2.95 sekilogram, berkuat kuasa 1 Mac 2017.

Sebelum itu, harga gula pasir putih bertapis ialah RM2.84 sekilogram.

Zakaria berkata, harga gula bertapis di Malaysia antara yang terendah di rantau ASEAN meskipun tidak menghasilkan gula mentah sendiri.

Malah, katanya, negara pengeluar gula mentah seperti Thailand menjual produk itu pada harga lebih tinggi berbanding di negara ini.

Beliau berkata, harga gula mentah kini merosot kepada 15.5 sen satu paun berbanding 22 sen satu paun pada November dan Disember tahun lalu.

Info

Kenaikan harga gula

- **MSM Malaysia** adalah anak syarikat 51 peratus milik FGV
- **Ia memiliki kapasiti** pengeluaran gula bertapis tahunan 1.25 juta tan